

A decorative border resembling a scroll, with rounded corners and a small scroll-like detail at the top-left and bottom-left corners.

BAB

KELIMA

BAB KELIMA

KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1 Pendahuluan

Bab Kelima akan mengemukakan kesimpulan terhadap segala data dan fakta analisis yang telah dibincangkan di dalam bab-bab yang terdahulu. Ia mengandungi kesimpulan dan beberapa cadangan yang difikirkan munasabah untuk mempertingkatkan kualiti keberkesanan pembelajaran sintaksis bahasa Arab, khususnya di Sekolah Agama Menengah Bestari J.A.I.S, Bahagian Pendidikan J.A.I.S dan di sekolah-sekolah menengah agama yang lain amnya.

5.2 Kesimpulan

Berikut adalah beberapa kesimpulan yang dapat diperhatikan melalui kajian yang telah dijalankan oleh penulis, iaitu :

- i. Walaupun pelajar-pelajar di Sekolah Agama Menengah Bestari J.A.I.S mengikuti kurikulum aliran sains tulen dengan penambahan matapelajaran-matapelajaran sampingan yang lain termasuk bahasa Arab dan sukatan pelajaran Al-Azhar, namun mereka tetap mampu membuktikan kecemerlangan di dalam peperiksaan peringkat kebangsaan (P.M.R & S.P.M) dan di peringkat negeri (S.M.A). Ini membuktikan kepada masyarakat bahawa kurikulum

bahasa Arab dan kurikulum Al-Azhar bukan menjadi penghalang kepada pencapaian kejayaan yang cemerlang.

- ii. Permasalahan utama pelajar dalam mempelajari ilmu sintaksis bahasa Arab ialah penulisan dan pemahaman kaedah serta proses untuk mengingat kaedah-kaedah yang sememangnya banyak.
- iii. Faktor utama yang mendorong pelajar berminat dengan pembelajaran sintaksis bahasa Arab ialah penjelasan dan pengajaran daripada pihak guru yang efektif dan efisien.
- iv. Terdapat segelintir pelajar yang tidak berminat dengan bahasa Arab dan mereka beranggapan bahawa bahasa Arab tidak penting dan tiada nilai komersial untuk kehidupan pada zaman ini dan mereka lebih berminat serta cenderung kepada mata pelajaran lain yang dianggap lebih mempunyai nilai komersialnya.
- v. Masih terdapat masalah penggunaan literasi komputer dalam pembelajaran dan guru tidak begitu mempunyai kemahiran yang secukupnya untuk melaksanakan pembelajaran menggunakan Teknologi Maklumat seperti komputer, projektor, smart board dan sebagainya.
- vi. Kekurangan tenaga mahir untuk mengendalikan dan menyelia (maintenance) alat-alat elektronik dan I.C.T seperti server, komputer, scanner, printer, O.H.P, L.C.D, projektor, mesin fotostat, reso dan sebagainya, menyumbang kepada kelembapan pelaksanaan pembelajaran. Contohnya apabila berlaku serangan

virus terhadap program komputer, proses untuk membansmi virus tersebut mengambil masa yang agak lama. Hal ini mengganggu kelancaran pembelajaran khususnya apabila guru tersebut ingin membuat latihan bertulis menggunakan kertas edaran (hand-out).

- vii. Masih terdapat kekurangan Bahan Bantu Mengajar (B.B.M) yang boleh digunakan oleh guru dalam proses pengajaran dan pembelajaran yang sesuai dengan zaman I.C.T.. Terdapat kekurangan program-program perisian ilmu sintaksis dalam bahasa Arab khususnya perisian yang menggunakan kemudahan komputer.
- viii. Kebanyakan tenaga pengajar menggunakan kaedah pendekatan tersendiri dengan menggabunjalin mana-mana kaedah yang sesuai untuk pelajarinya. Perkara ini berlaku disebabkan keadaan pelajar yang berbeza-beza daya pemikirannya di samping mempunyai latar belakang bahasa Arab yang berbeza.
- ix. Terdapat perbezaan metod dan keberkesanan pengajaran di antara Guru Tetap, Guru Sandaran Terlatih (G.S.T) dan Guru Sandaran Tidak Terlatih (G.S.T.T), di mana Guru Tetap dan Guru Sandaran Terlatih lebih berkesan berbanding Guru Sandaran Tidak Terlatih.
- x. Masih terdapat sebilangan guru-guru di S.A.M. Bestari J.A.I.S. yang tidak mempunyai Diploma Pendidikan.

- xi. Didapati semua guru membuat R.P.T. tetapi masih terdapat sebilangan daripada mereka yang mengajar tidak mengikuti Rancangan Pengajaran Tahunan (R.P.H) dengan sepenuhnya.
- xii. Penulis mendapati sebahagian guru tidak membuat ujian topikal setiap bulan dengan konsisten.
- xiii. Didapati semua guru-guru bahasa Arab membuat soalan peperiksaan dalaman tidak menepati format Kementerian Pendidikan Malaysia. Walaubagaimana pun ia dilaksanakan dengan pemantauan daripada pihak Panitia dan ini menepati prosedur MS ISO 9002, sebagaimana yang diarah oleh J.A.I.S.
- xiv. Penulis mendapati semua guru memerlukan pendedahan kepada kemahiran komputer (I.C.T) untuk tujuan pengajaran sintaksis bahasa Arab.
- xv. Tahap minat yang ditunjukkan oleh pelajar kepada matapelajaran bahasa Arab adalah berbeza-beza dan ia dipengaruhi oleh banyak faktor seperti aspek guru, suasana sekolah yang ceria, pendekatan pembelajaran yang menarik dan faktor pelajar itu sendiri.
- xvi. Pembelajaran secara berkumpulan di dalam kelas didapati lebih berkesan terhadap pelajar berbanding dengan secara tidak berkumpulan.
- xvii. Penulis mendapati bahawa pihak pentadbiran Sek.Agama Men. Bestari bersikap positif terhadap semua program bahasa Arab yang dianjurkan oleh Panitia B.Arab.

- xviii. Penulis mendapati bahawa program motivasi diri memberi sumbangan kepada peningkatan pencapaian murid untuk menguasai sintaksis bahasa Arab.
- xix. Penulis mendapati sikap bergantung sepenuhnya kepada buku teks sama ada dari segi petikan teks, latihan dan sebagainya tidak boleh menjamin pencapaian dan penguasaan sintaksis bahasa Arab dengan cemerlang.
- xx. Penulis mendapati penggunaan bahan-bahan media elektronik amat membantu pelajar memahami sintaksis bahasa Arab.
- xxi. Penulis mendapati para guru telah menerapkan nilai-nilai murni dan Kemahiran Kritis dan Kreatif dalam pengajaran ilmu sintaksis mereka bahasa Arab.
- xxii. Penulis mendapati penampilan diri (self presentation), personaliti dan penjelasan guru mempengaruhi diri pelajar dan mampu menarik minat pelajar untuk mempelajari sintaksis bahasa Arab.
- xxiii. Penulis mendapati tahap latihan dalam buku teks adalah setara atau berada di tahap sederhana berbanding dengan kemampuan para pelajar.

5.3 Cadangan

Untuk memastikan pengajaran dan pembelajaran sintaksis bahasa Arab lebih berkesan dan berupaya menarik minat pelajar untuk terus mempelajarinya dan mendalaminya, maka penulis ingin menyatakan beberapa cadangan yang berikut:

5.3.1. Cadangan Kepada Guru.

Beberapa cadangan spesifik untuk dipraktikkan oleh guru adalah seperti berikut :

- i. Semua guru yang mengajar sintaksis bahasa Arab perlu mencari kaedah yang berkesan berdasarkan kemampuan pelajar. Selain dari itu, mereka juga disarankan menggunakan Bahan Bantu Mengajar yang berkesan dan menarik minat para pelajar dan bukan menggunakan bahan yang sama sepanjang tahun sehingga ada di antara bahan-bahan tersebut yang tidak merangsang motivasi pelajar.
- ii. Setiap tajuk atau sub-tajuk sintaksis bahasa Arab yang diajar hendaklah diulang-ulang beberapa kali oleh guru mengikut keperluan, supaya ia akan lebih berkesan kepada pelajar dan boleh melakukan proses mengingat dengan baik. Ini disebabkan faktor keupayaan mengingat fakta di kalangan pelajar adalah berbeza, ada yang cepat dan ada yang lambat.
- iii. Guru perlu mahir dan menguasai setiap topik dengan amat baik dan mencari satu pendekatan yang terbaik untuk para pelajar mereka. Guru perlu melihat dengan dekat masalah sebenar kelemahan setiap murid yang diajarnya dan perkara ini boleh dikesan dengan membuat latihan tubi secara berkala.
- iv. Penerapan sintaksis merupakan elemen terpenting dalam proses pengajaran bahasa Arab. Oleh itu, ia memerlukan satu bentuk penjelasan yang yang

dihadapinya dalam pembelajaran khususnya pembelajarn sintaksis bahasa Arab. Di samping itu, guru haruslah sentiasa bersedia untuk membimbng anak-anak murid mereka.

- x. Guru hendaklah memberi latihan dan membuat ujian secara bersistematik agar keberkesanan pembelajaran sintaksis dapat dilihat dengan lebih jelas. Guru boleh mengadakan ujian topikal, ujian bulanan atau peperiksaan mengikut semester. Setelah selesai setiap ujian dan peperiksaan, satu kajian post-mortem hendaklah dibuat untuk mengkaji kekuatan dan kelemahan yang ada.
- xii. Guru perlu mempelbagaikan bahan pengajaran seperti menggunakan buku kerja, nota tambahan, hand out, perisian komputer, internet dan sebagainya kerana ia menyumbang kepada pelajar untuk memahami dan seterusnya menguasai sintaksis bahasa Arab.
- xiii. Penyediaan soalan dan skema jawapan perlu mengikut kehendak K.P.M. dan dipantau oleh Panitia. Oleh itu guru perlu mengikuti kursus peningkatan kemahiran membuat soalan dan skema jawapan.
- xiv. Guru yang berjawatan tetap dan berpengalaman haruslah memberi tunjuk ajar dan berkongsi pengalaman dengan guru sandaran.
- xv. Guru mesti mempunyai penampilan personaliti diri yang ceria, kemas dan baik serta berusaha menjelaskan setiap topik dengan ringkas, padat dan tepat kerana ia mempengaruhi minat pelajar untuk mengikuti pengajarannya.

- xv. Guru harus membina soalan-soalan yang mempunyai pelbagai tahap (multiple level) seperti susah, sederhana dan mudah. Walaubagaimana pun, format soalan tersebut mestilah menepati standard dan kehendak Kementerian Pendidikan Malaysia.

5.3.2. Cadangan Kepada Pihak Pentadbiran Sekolah

- i. Persatuan Bahasa Arab hendaklah memainkan peranan dengan sewajarnya untuk mempertingkatkan rasa kecintaan terhadap bahasa Arab di kalangan pelajar seperti mengadakan program Minggu Bahasa Arab, kuiz bahasa Arab dan sebagainya.
- ii. Untuk menimbulkan rasa minat di dalam diri para pelajar terhadap mata pelajaran bahasa Arab, dicadangkan kepada pihak pentadbiran sekolah supaya merancang mengadakan seminar atau kem motivasi kesedaran kepentingan bahasa Arab, lebih-lebih lagi sebagai seorang muslim.
- iii. Pihak pentadbiran sekolah haruslah bekerjasama menyediakan bahan-bahan bantu mengajar dengan para guru bahasa Arab, dan tanggungjawab tersebut tidak diberi secara total ke atas guru matapelajaran yang diarah untuk membina, mencari dan mengaplikasi bahan-bahan tersebut di dalam pengajaran mereka.

- iv. Pihak sekolah sewajarnya berusaha menceriakan persekitaran sekolah supaya kelihatan ceria, cantik dan menawan hati para pelajar, kerana ia memberi sumbangan kepada rasa suka dan minat di dalam diri pelajar terhadap sekolah.

- v. Pihak sekolah sewajarnya mengadakan seminar atau program motivasi kepada pelajar ke arah mencintai bahasa Arab dan menyedari kepentingannya.

5.3.3. Cadangan Kepada J.A.I.S.

Cadangan ini ditujukan khas kepada pihak Jabatan Agama Islam, cadangan-cadangan tersebut seperti berikut :

- i. Pihak J.A.I.S. hendaklah menyediakan guru yang berpengalaman kepada pihak sekolah. Walaubagaimanapun guru-guru yang telah ada hendaklah diberi latihan yang secukupnya untuk menimba ilmu pendidikan khususnya I.C.T.

- ii. Guru-guru Sandaran Tidak terlatih perlu didedahkan kepada pedagogi pendidikan agar pengajaran dan pembelajaran mereka akan menjadi lebih efektif dan efisien, melalui kursus-kursus intensif dengan kerjasama daripada pihak Institut Latihan Dan Dakwah Selangor (I.L.D.A.S) dan pihak-pihak lain yang berkaitan seperti Jabatan Pendidikan Selangor (J.P.S) dan Kementerian Pendidikan Malaysia (K.P.M.).

- iii. Guru-guru sandaran tidak terlatih hendaklah diberi peluang untuk mengambil Diploma Pendidikan supaya mereka dapat diserap menjadi guru tetap dan

kebajikan mereka akan lebih terjamin. Dengan ini guru-guru tersebut akan dapat melaksanakan perkhidmatan sebagai guru dengan penuh selesa dan bermotivasi.

- iv. Guru-guru yang mempunyai kelayakan Sarjana hendaklah dijaga kebajikannya agar mereka tidak lari atau berpindah ke tempat lain yang menjanjikan habuan dan kebajikan yang lebih lumayan.
- v. Untuk menjamin kualiti sekolah-sekolah agama tajaan J.A.I.S., khususnya Sekolah Bestari, pihak sekolah dan J.A.I.S. Bahagian Pendidikan sewajarnya sentiasa mengikut progres perkembangan setiap pelajar dengan merekodkan segala keputusan ujian prestasi dan peperiksaan semester atau penggal setiap tahun dengan kerjasama pihak sekolah menghantar data-data yang diperlukan. Hasil dari post-mortem keputusan peperiksaan, diadakan pula kelas-kelas tambahan, pemulihan, pengkuhan dan pengayaan bahasa kepada pelajar-pelajar yang lemah. Sementara itu, para pelajar yang cemerlang pula perlu diadakan kelas kecemerlangan.
- vi. Pihak J.A.I.S. perlu menyediakan kelengkapan prasarana I.C.T. yang secukupnya di sekolah Agama Men. Bestari tajaannya supaya proses pengajaran dan pembelajaran berjalan lancar.
- vii. J.A.I.S. perlu mengemaskinikan komuniti I.C.T. yang telah dibentuk supaya membuat perancangan latihan berskala kepada guru-guru dan membina perisian matapelajaran yang boleh digunakan oleh guru untuk mengajar. Tugas membina perisian tidak boleh diletakkan dibahu guru-guru kerana guru sudah

sudah dibebankan dengan tugasannya di sekolah sama ada tugas kurikulum atau kokurikulum

- viii. Syarat kemasukan pelajar ke Sekolah Bestari J.A.I.S hendaklah mengikut kelayakan dan kreteria yang telah ditetapkan oleh J.A.I.S. dan jangan ada yang mendaftar ke Sekolah Agama Menengah Bestari dengan cara yang tidak mengikut prosedur dan syarat kelayakan. Pelajar-pelajar yang lemah tetapi diterima memasuki Sekolah Agama Menengah Bestari akan menjejaskan keputusan peperiksaan dan memberi masalah kepada guru yang mengajar kerana mereka lemah dan lembap berbanding dengan pelajar lain yang cerdas dan pantas.
- ix. Dicadangkan supaya pihak J.A.I.S. mengkaji semula status peperiksaan Sijil Menengah Agama (S.M.A) agar ia di up-gred dan menjadi lebih bermakna serta mampu memberikan faedah yang maksimum berbanding dengan sekarang seperti mengadakan M.O.U. dengan mana-mana I.P.T.A. atau I.P.T.S. supaya memberi prioriti kepada para pelajar yang mempunyai sijil tersebut.
- x. Pihak J.A.I.S. hendaklah membekalkan keperluan I.C.T. kepada pihak sekolah dan peka kepada kualiti perkakasan I.C.T. tersebut. Selain dari itu, ia hendaklah di up-gred dari masa ke semasa mengikut perkembangan zaman atau diganti dengan yang baru.
- xi. Bahagian Pendidikan J.A.I.S. perlu membuat pemantauan terhadap perjalanan pengajaran dan pembelajaran yang diamalkan oleh guru-guru melalui Nazir Pendidikan Daerah.

5.3.4. Cadangan Umum

Beberapa cadangan berbentuk umum kepada mana-mana pihak, seperti berikut:

- i. Pemilihan isi kandungan buku teks untuk dijadikan sebagai contoh kepada pengajaran sintaksis bahasa Arab mestilah menarik, mengandungi di dalamnya gambar-gambar berwarna. Bahkan buku teks yang tiada gambar-gambar, mungkin akan menimbulkan rasa jemu di kalangan para pelajar.
- ii. Pemilihan contoh-contoh di dalam pembelajaran sebaik-baiknya diambil daripada ayat-ayat Al-Quran dan hadith-hadith nabi, sesuai dengan sekolah beraliran agama. Dengan ini juga pelajar akan lebih mendekati Al-Quran dan selain dari membaca Al-Quran serta memahami ayat-ayatnya, mereka juga boleh melihat nilai-nilai sintaksis bahasa Al-Quran secara langsung.
- iii. Persatuan Ibu Bapa (P.I.B.G) dan stakeholder yang lain juga mestilah memainkan peranannya dengan sebaik mungkin dan memberikan sokongan moral dan metarial serta memberikan komitmen yang padu kepada perancangan sekolah ke arah kecemerlangan kurikulum dan kokurikulum.
- iv. Pihak kerajaan sewajarnya mengambil langkah ke arah memertabatkan bahasa Arab, sejajar dengan kedudukan bahasa tersebut yang istimewa dan penting di dalam agama Islam yang menjadi agama resmi Negara. Dengan

ini ia memberi kesan secara langsung kepada pelajar untuk menguasai bahasa Arab dengan baik kerana ada nilai budaya dan komersial.